

## HIKMAH WABAK COVID-19 MENGHIDUPKAN ROH MASJID DALAM KELUARGA MUSLIM

Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin<sup>1</sup> & Yusni Mohamad Yusak<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson, KM 14, Jalan Pantai, 71050 Si Rusa, Negeri Sembilan, Malaysia.

Corresponding Author: Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: norsaadah@kuis.edu.my.

### Abstrak

Pandemik COVID-19 menyebabkan masjid atau surau tidak dapat beroperasi seperti kelaziman. Namun di sebalik itu memberi hikmah besar kepada ketua keluarga. Ujian pandemik memberikan cabaran tahap demi tahap peranan bapa yang utama daripada mencari nafkah kepada usaha menerapkan roh masjid dalam sesebuah keluarga muslim. Penulisan ini akan mengupas usaha dan kesungguhan kaum bapa menghidupkan roh masjid dalam keluarga muslim bagi memastikan pembinaan modal sosial yang mampan dapat dibangunkan. Penulis menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen melalui penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, jurnal, buku, artikel dan prosiding yang berkaitan. Dapatan menunjukkan pendekatan kerohanian melalui amalan secara berjemaah terutama di bulan Ramadhan dalam sebuah keluarga muslim dapat menghidupkan roh masjid di rumah. Adalah diharapkan semakin ramai kaum bapa dapat melibatkan diri dalam usaha-usaha membentuk akhlak demi kestabilan dalam institusi sebuah keluarga muslim.

**Kata kunci:** hikmah, wabak COVID-19, roh masjid, keluarga muslim

## **(THE WISDOM OF THE COVID-19 OUTBREAKS ACTIVATE THE SPIRIT OF THE MOSQUE IN MUSLIM FAMILIES)**

### **Abstract**

*The COVID-19 pandemic caused mosques or suraus unable to operate as usual. However gives great wisdom to the head of the family. The pandemic test presents a step -by -step challenge of the father primary role from earning a living to inculcating the spirit of the mosque in a Muslim family. This article will examine the efforts and determination of the fathers role to revive the spirit of the mosque in the Muslim family and to ensure the construction of sustainable social capital can be developed. The author uses library methods and document analysis through scrutiny of previous studies, journals, books, articles and related proceedings. Findings show that the spiritual approach through congregational practice, especially in the month of Ramadan in a Muslim family can revive the spirit of the mosque at home. It is hoped that more and more fathers can get involved in efforts to form morals for the sake of stability in the institution of a Muslim family.*

**Keywords:** *wisdom, the COVID-19 epidemic, the spirit of the mosque, the muslim family*

Received: October 20, 2021

Accepted: December 25, 2021

Online Published: December 31, 2021

### **1. Pendahuluan**

Masjid dan agama Islam diibaratkan seperti irama dan lagu yang tidak boleh dipisahkan. Masjid adalah lambang kepada perhubungan antara manusia dan Allah SWT. Dalam sejarah Islam, masjid adalah institusi yang amat penting. Tegas al-Azawe (1998) masjid bukan sekadar tempat umat Islam melakukan ibadah-ibadah khusus secara berjemaah seperti sembahyang, *tilawah* al-Quran, berzikir dan seumpamanya, bahkan ia telah menjadi pusat pembangunan masyarakat Islam yang lebih menyeluruh.

Peranan, jenis aktiviti dan kumpulan yang memakmurkan masjid dalam Islam digambarkan al-Quran melalui firmanNya dalam Surah at-Taubah yang bermaksud: “Hanyalah yang memakmurkan Masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta tetap mendirikan shalat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk”. (at-Taubah 9:18)

Menurut Muhammad (t.th) dalam Bani Hidayat et al. (2012), masjid dari sudut bahasa ialah *al-Khumrah* bererti hamparan (tikar) yang kecil. Ia adalah sesuatu tempat yang dikhususkan untuk umat Islam menunaikan solat secara berkekalan dan berterusan. (Muhammad Rawwas et al.,1985). Perkataan masjid berasal daripada kata kerja Bahasa Arab *sajada* bererti sujud (al-Munjid 2001) dan memberikan makna bangunan khas tempat orang Islam beribadat (DBP 2005).

Keutamaan masjid sebagai institusi penting dalam Islam diperteguhkan lagi melalui tindakan pertama baginda Rasulullah SAW dengan mendirikan Masjid Quba sebagai tempat bermulanya pembentukan masyarakat dan negara Islam di Madinah. Masjid Nabawi di Madinah telah menjadi nadi kepada segala kegiatan penting di zaman Rasulullah SAW di

mana baginda mendidik umatnya supaya dapat mengatur urusan hidup dan urusan agama pada peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara. Lantaran itu, masjid telah memainkan peranan yang amat luas yang mencakupi aspek-aspek kerohanian, keilmuan, pusat rujukan dan khidmat masyarakat bahkan kesungsiannya dapat dikembangkan sehingga pengislahan sosial dan ekonomi. (MuftiWP 2019)

## 2. Metodologi

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan perpustakaan dan penganalisan dokumen di mana pengkaji akan meneliti dokumen-dokumen bercetak dan berautoriti seperti buku-buku, jurnal, artikel, kajian-kajian dan prosiding terdahulu yang berkaitan.

## 3. Dapatan dan perbincangan

### 3.1 WABAK CORONAVIRUS (CoV)

Detik 31 Disember 2019, dunia dikejutkan dengan penularan virus COVID-19 tidak terkecuali Malaysia. Coronavirus (CoV) adalah suatu keluarga besar virus yang menyebabkan pelbagai jenis penyakit yang meliputi demam selesema sehinggalah penyakit serius seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory Coronavirus* (MERS-CoV) (Zulkifli 2020). Langkah mengekang penularan COVID-19 telah dilaksanakan kerajaan dengan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersasar (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). (MKN 2021)

Penularan pandemik yang belum berakhir ini memberi isyarat bahawa setiap individu perlu meluangkan lebih banyak masa di rumah masing-masing. Walaupun secara lahiriahnya perintah ini merupakan suatu tragedi dan musibah kerana menyekat kebebasan individu, namun hakikatnya rumah merupakan tempat berlindung, berehat, ruang privasi bagi diri sendiri dan ahli keluarga, malah ia turut menghadirkan ketenangan dalam diri sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Taghabun.

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ اللَّهُ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya : *Tidak ada sesuatu musibah pun yang menimpa seseorang kecuali dengan izin Allah; dan barangsiapa yang beriman kepada Allah, niscaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.* (al-Taghabun 64:11)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah SWT menyatakan tiada sesuatu pun yang terjadi di alam ini melainkan dengan kehendak dan kekuasaan Allah SWT, sementara itu orang-orang yang yang beriman kepada Allah SWT pasti ia akan rela pada keputusan Allah SWT baik qada mahupun taqdir-Nya, dengan iman itulah hati akan mendapatkan ketenangan, kerana ia telah yakin bahawa yang dikehendaki tidak akan terjadi (Ibnu Kathir 2017).

Manakala nabi SAW pula bersabda:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

Maksudnya: “*Sungguh menakutkan keadaan seorang mukmin. Seluruh urusannya itu baik. Hal ini tidaklah didapati kecuali pada diri seorang mukmin. Jika mendapatkan kesenangan, maka ia bersyukur. Hal itu baik baginya. Jika mendapatkan kesusahan, maka ia bersabar. Itu pun baik baginya.*” (HR. Muslim, no. 2999).

Bagi menangani wabak ini, kerajaan telah mengambil tindakan perintah kawalan pergerakan (PKP) terhadap rakyatnya agar penyakit atau wabak tidak tersebar. Pendekatan sebegini pernah dilakukan pada zaman awal pemerintahan Islam iaitu pada zaman khalifah Saidina Umar al-Khattab pada tahun 17 hijriyah. Pada tahun tersebut satu wabak taun telah menular dalam kalangan masyarakat bermula di daerah Awamas, sebuah bandar sebelah barat Jerusalem di Palestin sehingga wabak penyakit tersebut menular ke Syam (Syria) dan ke Iraq. Sabda Nabi SAW :

الطاعون آية الرجز ابتلى الله عز وجل به أناساً من عباده، فإذا سمعتم به فلا تدخلوا عليه، وإذا وقع بأرض وأنتم بها فلا تفرّوا منه

Maksudnya : *Apabila kalian mendengar wabak penyakit taun melanda ke sesebuah negeri, maka janganlah kalian memasukinya. Adapun apabila penyakit itu melanda suatu negeri sedangkan kalian berada di dalamnya, maka janganlah kalian lari keluar dari negeri tersebut.*” Riwayat Bukhari (10/179) dan Muslim (4/1738).

Melalui hadis ini dapat difahami bahawa Nabi Muhammad SAW menggesa umat Islam yang berada di tempat penularan wabak penyakit untuk tidak keluar dari kawasannya. Manakala bagi mereka yang sihat pula diperintahkan untuk tidak memasuki tempat yang terkena wabak penyakit.

### 3.2 COVID-19 DAN KELUARGA MUSLIM

Sebuah keluarga muslim semasa pandemik COVID-19 digesa untuk melipatgandakan doa dan munajat serta menggandakan istighfar dan memohon keampunan kepada Allah SWT. Perkara tersebut ditegaskan Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) menegaskan keberadaan ahli masyarakat di rumah dituntut untuk memperbanyakkan doa, munajat dan beristighfar. (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2020).

Keberadaan ahli keluarga yang berkumpul bersama-sama semasa PKP di rumah hendaklah dimanfaatkan sebaiknya seisi ahli keluarga dengan mengambil hikmah dan pengajaran serta menjadikan rumah sebagai asas pusat pendidikan setempat. Tambah Muhammad Ammar Harith (2021) ibu bapa merupakan insan pertama yang mendidik anak-anak di rumah dengan nilai-nilai keagamaan dan kebudayaan yang awal sehinggalah mereka

berjaya menempatkan diri dalam lingkungan masyarakat sekeliling. Justeru, proses mendidik, menerap dan menyesuaikan nilai-nilai oleh ibu bapa ini dikenali sebagai sosialisasi yang berlaku di peringkat primer.

Keluarga adalah agen sosialisasi yang banyak mempengaruhi perkembangan anak-anak. Lazimnya ibu bapa akan mengajar anak-anaknya mengenai apa yang harus dilakukan dan apa yang harus dilarang. Daripada ibu bapa, anak-anak itu akan mempelajari kemahiran, sikap, norma dan nilai-nilai seperti kejujuran, amanah, rajin, bersih dan hormat menghormati. Segala nilai dan norma yang ditekankan oleh ibu bapa akan cepat mempengaruhi perkembangan personaliti anak-anak mereka (Muhammad Ammar Harith 2021).

### 3.3 KELUARGA MUSLIM DAN AMALAN IBADAT

Bapa merupakan individu utama dalam mengurus sebuah keluarga muslim. Pelbagai langkah boleh diambil seorang bapa bagi memastikan tanggung jawab dapat dilaksanakan dengan lebih komited dan proaktif sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Maksudnya: *Sebaik-baik kalian adalah orang yang paling baik bagi keluarganya. Dan aku orang yang paling baik bagi keluargaku.* (Riwayat al-Tarmizi 1/408)

Penutupan sementara masjid dan surau semasa PKP selain penetapan had bilangan untuk solat berjemaah telah mengundang perdebatan dan ketidakpuasan hati dalam kalangan segelintir individu muslim sejak gelombang pertama COVID-19 melanda lagi pada tahun 2020. COVID-19 memberi impak tersendiri terhadap aktiviti keagamaan dan kerohanian umat Islam. Sifat keislaman yang praktikal terus dapat diamalkan walaupun dengan norma baharu dalam tempoh kawalan pergerakan ini. Masa inilah peluang keemasan bagi seorang bapa sebagai ketua keluarga untuk mendidik ahli keluarganya melaksanakan ibadat secara *berjamaah* dan bersama-sama.

Antara contoh-contoh pengamalan ibadat tersebut adalah solat berjemaah di rumah, zikir bersama-sama, membaca *ma'thurat berjemaah*, mengamalkan puasa-puasa sunat; puasa sunat Isnin dan Khamis serta puasa sunat hari Putih (tanggal 13, 14 dan 15 haribulan dalam kalender Islam); meninggikan siar Islam seperti melaungkan azan dan *iqamah* ketika masuknya waktu solat; tilawah dan mentadabbur al-Quran; kelas tafakkuh dan fardhu ain; Qiamullail secara berjemaah dan sebagainya lagi.

Allah SWT menggambarkan kumpulan yang tetap menghormati dan menghidupkan syiar Islam sebagai orang yang bertaqwa walau di mana sahaja mereka berada sebagaimana firmanNya:

وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

Maksudnya : *Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (dia lah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin. (al-Hajj 22:32)*

Rasulullah SAW juga berpesan agar menghidupkan rumah masing-masing dengan aktiviti-aktiviti ibadat serta tidak membiarkannya suram dan sunyi seperti tanah perkuburan. Sabda Baginda SAW:

لَا تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ مَقَابِرَ، إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْفِرُ مِنَ النَّيْتِ الَّذِي تُقْرَأُ فِيهِ سُورَةُ الْبَقَرَةِ

Maksudnya : *Janganlah menjadikan rumah kamu seperti perkuburan, sesungguhnya syaitan lari daripada rumah yang dibaca padanya surah al-Baqarah.. (Riwayat Muslim 780)*

Hadis tersebut di atas jelas memberikan isyarat bahawa Islam amat menitik beratkan umatnya supaya terus menghidupkan ibadat walaupun di rumah masing-masing. Meskipun masjid mempunyai nilai signifikan yang tersendiri sebagai syiar Islam, namun ia tidak bererti pelaksanaan ibadat hanya tertumpu di masjid sahaja. Bahkan, Rasulullah SAW juga menghidupkan rumah baginda sendiri dengan amal ibadat. Contohnya semasa di bulan Ramadhan, Rasulullah juga menunaikan solat terawih di rumah baginda setelah bersama para sahabat di masjid.

Di samping itu, majlis zikir dan bacaan al-Quran di dalam rumah juga tidak dilupakan. Antaranya meneruskan tradisi membaca surah Yasin dan tahlil serta membaca surah al-Kahfi pada setiap malam Jumaat. Selain dapat menyerikan rumah dengan amal ibadat, pada masa yang sama ia juga dapat melatih anak-anak untuk membaca al-Quran, berzikir dan berdoa. Tambahan pula, dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) ini, aplikasi-aplikasi seperti Zoom, Google Meet, Cisco Webex dan lain-lain majlis ini boleh dilaksanakan bersama kaum kerabat, sanak saudara yang duduk berjauhan.

Pembentukan akhlak juga dapat dibina melalui tazkirah dari ketua keluarga apabila seorang bapa dapat melihat pertumbuhan anak-anak di depannya dengan mendidik *tarbiyah jinsiyah* (pendidikan seksual). Pendidikan ini menggariskan tatacara seorang anak terhadap ahli rumah termasuk berurusan dengan ibu bapa seperti adab meminta izin masuk ke bilik ibu bapa sebagaimana yang disarankan dalam al-Quran surah al. Nur ayat 58.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِيَسْتَذِنَكُمْ الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ  
مِّن قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِنَ الظَّهِيرَةِ وَمِن بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَاثُ  
عَوْرَاتٍ لَّكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَهُنَّ طَوْفُورَنَ عَلَيْكُمْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ كَذَلِكَ  
يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang yang belum baligh dalam kalangan kamu, meminta izin kepada kamu sebelum masuk ke tempat iaitu sebelum sembahyang subuh, ketika membuka pakaian kerana kepanasan tengahari dan sesudah solat isyak. Itulah tiga masa bagi kamu yang biasanya terdedah*

*aurat kamu kepadanya. Kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa berkenaan kerana mereka orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu dan kamu sentiasa masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu sama lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya yang menjelaskan hukum-hukumNya dan ingatlah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. (al-Nur 24:58)*

Selain itu, bapa juga dapat mendidik perasaan malu dalam diri anak-anak dengan tidak mendedahkan aurat walaupun bersama adik beradik terutama yang berlainan jantina. Pendedahan awal tentang *tarbiyah jinsiyah* (pendidikan seks) kepada anak-anak adalah sangat penting. Ini kerana anak-anak akan menjadikan akhlak Islam sebagai panduan dan tidak mengejar syahwat serta tidak tenggelam di bawa arus kemaksiatan. Hal ini supaya apabila anak-anak menjengah usia remaja dan mula mengenali kehidupan, mereka tahu apa yang halal dan apa yang haram dalam pergaulan antara mahram dan bukan mahram (Asri 2018).

### 3.4 RAMADHAN ERA COVID-19

PKP disebabkan pandemik COVID-19 yang berlanjutan daripada bulan Mac 2020 shingga September 2021 menyaksikan umat Islam di Malaysia mengharungi 4 perayaan besar umat Islam semasa pandemik. Pengalaman melalui 2 kali sambutan bulan Ramadhan al-Mubarak dalam suasana pandemik cukup memberikan kesedaran dan keinsafan. Bulan Ramadhan yang padanya terkandung seribu kebaikan tidak lagi diraikan dan dihidupkan malam-malamnya sebagaimana tahun-tahun berlalu. Namun begitu aktiviti sepanjang Ramadhan tetap dapat dihidupkan dengan sentiasa menggandingkannya dengan aktiviti tilawah, *tadarrus* dan *tadabbur* al-Quran serta memperbanyakkan ibadat-ibadat sunat yang lain khususnya solat sunat tarawih secara berjemaah di rumah. (Muhammad Ammar Harith 2021).

Bulan Ramadhan dan pengisiannya hendaklah dilihat dari sudut positif dan penuh keinsafan dan bermakna; inilah masanya untuk kita menilai semula apakah makna dan tujuan Ramadhan yang sebenar. Hal ini penting kerana biarpun keadaan berbeza tetapi makna dan tujuan Ramadan tetap berjaya diterjemahkan.

Duduk di rumah untuk tempoh yang panjang merupakan suatu yang sangat mencabar kerana secara psikologi, manusia sebagai makhluk sosial perlu bersosial. Keluasan waktu yang ada melalui PKP menjadi medan terbaik untuk seseorang mengulangkaji dan menghidupkan Ramadhan secara serius dengan penuh kesederhanaan. Hal demikian disebabkan mereka tidak perlu memikirkan masa yang akan dihabiskan di dalam kereta untuk ke tempat kerja, berada di tempat-tempat awam, pergi ke bazar-bazar dan seumpamanya lagi.

Meskipun masjid-masjid menjadi sunyi pada bulan Ramadhan akan tetapi amalan yang kebiasaannya dilakukan di masjid masih boleh diteruskan, melalui pelaksanaannya di rumah masing-masing bersama keluarga tersayang. Ibadat puasa dan *iftar*, solat jamaah dan bertarawih serta *tadarrus* al-Quran dapat dilakukan di rumah bersama ayah, ibu dan adik-beradik. Begitu juga tiada bazar Ramadhan seperti kelaziman yang menghidangkan pelbagai juadah dan menu istimewa. Walaupun sambutan agak kurang meriah namun ia membawa

seribu makna apabila dapat meluangkan lebih banyak masa bersama-sama keluarga. (Siti Nur Azwin 2020).

Keberhasilan utama yang diharapkan ialah agar menjadi individu yang bertakwa. Justeru adalah satu keperluan untuk menyempurnakan puasa berorientasikan matlamat akhir iaitu untuk mencapai tahap ketakwaan dan bukan hanya untuk menyambut hari raya Aidil Fitri semata-mata.

Menghidupkan ibadat di rumah merupakan satu rahmat yang tersembunyi. Ibadat puasa secara istilahnya ialah menahan diri dari melakukan sesuatu yang lazim dilakukan seperti makan dan minum, COVID-19 juga mengajar perkara yang sama bila mana manusia perlu untuk berkorban kebebasan yang lazimnya suka bersosial. Ternyata kehadiran Ramadhan pada kali ini merupakan bonus kepada keluarga muslim untuk lebih memaknai bulan Ramadhan dalam mencapai ketaqwaan (Muhammad Ammar Harith 2021).

Inilah masa terbaik sebuah keluarga muslim merapatkan diri dengan al-Quran, lantaran Ramadan mempunyai pertalian yang sangat rapat dengan al-Quran sebagaimana dijelaskan dalam Surah al-Baqarah: 185, “Bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang batil).

Proses internalisasi nilai-nilai agama dan cintakan ibadat ini amat penting dalam usaha membentuk jati diri umat Islam yang mentaati perintah syara serta menghormati budaya masyarakat di sekeliling mereka.

Pada masa inilah sebenarnya bapa mempunyai tempoh yang khusus untuk mendidik isteri dan anak-anak mengenai nilai-nilai agama. Hayati semula sirah Rasulullah SAW sewaktu baginda mula-mula diutuskan sebagai seorang Rasul. Fasa pertama perjalanan dakwah baginda bermula dari dalam rumah apabila mula menyampaikan wahyu kepada isteri dan ahli keluarga terdekat. Kemudian, Rasulullah berdakwah pula kepada para sahabat dengan mengumpulkan mereka di rumah Al-Arqam bin Abi al-Arqam secara rahsia selama beberapa tahun. Sirah ini menunjukkan betapa rumah sangat berperanan menjadi pusat mendidik dan menerapkan nilai-nilai Islam (Muhammad Ammar Harith 2021).

Justeru, rumah bukan sahaja menjadi tempat berlindung jauh dapat berperanan menggalas seketika tugas masjid dan surau sepanjang fasa ‘lockdown’ ini. Ketua keluarga pula berperanan membangkitkan keghairahan serta mewujudkan sinergi beribadat secara *berjamaah* dan *istiqamah* di rumah. Solat fardhu secara berjamaah bersama anggota keluarga dengan penggiliran tugas sebagai imam, bilal perlu diterapkan. Sikap bertolong-bantu, nasihat-menasihati serta kekitaan yang tinggi hendaklah disemaikan. Ianya dapat mendekatkan hati antara satu sama lain disamping menyumbang kepada kesihatan mental individu.

Rasa kehambaan dan kebergantungan hanyasanya kepada Allah Yang Esa hendaklah sentiasa terpahat kemas di dalam dada. Amalan munajat melalui *qiamullail* dengan menunaikan solat sunat hajat memohon perlindungan dan keselamatan daripada Allah SWT wajar diteruskan. Peranan ketua keluarga khususnya bapa sebagai pencetus

amalan ibadah berjamaah, dan ibu sebagai pendesak keterlibatan anak-anak menjadikan sesebuah keluarga dapat mengekalkan momentum hidup bersyariat dipenuhi ibadah walaupun dalam suasana PKP yang berlanjutan.

Secara tuntasnya, rumah telah menjadi tempat ibadat dan pembenihan akhlak mahmudah yang paling utama sepanjang fasa “*lockdown*”. Ibu sebagai pembantu tugas bapa perlu lebih berperanan sebagai pendesak dan juru ingat serta menanam rasa cintakan agama dan ibadat dalam diri anak-anak mereka. Cabaran getir berhadapan pandemik COVID-19 ini, umat Islam perlu lebih kreatif menghidupkan rumah mereka dengan amal ibadat dan memperlbagakan aktiviti sebagaimana mereka bersungguh-sungguh mengimarahkan masjid dan surau. Semoga usaha secara terus-terusan ini dapat mengikis perasaan gundah gulana, bermuram durja dan dapat membantu menstabilkan kembali emosi, memberikan ketenangan jiwa serta menguatkan spiritual.

#### **4. Penutup**

Sebagai penutup, umat Islam perlu memahami dan menterjemahkan konsep ibadat dalam Islam dalam skop yang lebih luas. Pengalaman mengharungi PKP yang berlanjutan ini, menjadi antara waktu terbaik untuk membuktikan keluasan dan keanjalan agama Islam walaupun dalam hal ibadat. Bapa sebagai ketua keluarga hendaklah menjadi agen perubahan yang mengajak ahli keluarga melaksanakan ibadat-ibadat khusus seperti solat berjamaah setiap waktu meskipun tidak dapat pergi ke masjid/surau. Mengimarahkan majlis ilmu secara atas talian hendaklah dipergiat dan ditingkatkan. Tontonan pengisian agama di chanel *Youtube*, membaca info ilmiah di laman sesawang, bersoal jawab bersama asatizah melalui aplikasi sembang seperti WhatsApp dan Telegram; webinar dan forum ilmiah melalui pautan *Zoom*, *Meet* dan sebagainya lagi perlu digunakan sebaiknya. Keterbatasan umat Islam dalam beberapa perkara ibadat buat masa ini sebenarnya bukanlah alasan atau halangan sehingga roh ibadat itu hilang sama sekali. Sesungguhnya di sebalik musibah terkandung seribu hikmah yang tersembunyi.

## RUJUKAN

- al-Quran al-Karim.
- al-Azawe, Abed Al-Sater. (1998). *Masjid al-Daleel*. The United Arab States: Al- Shareka, p.10-20
- al-Munjid fi Lughah al-Arabiah al-Ma'asirah. (2001). Bayrut: Dar al-Masyriq
- Asri, Yussof. (2018). *Bagaimana Makna Pendidikan Seks Yang Sebenar Menurut Islam?*. Retrieved from PTS: <https://pts.com.my/berita/bagaimana-makna-pendidikan-seks-yang-sebenar-menurut-islam/>
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, Ab. Halim Tamuri & Ahmad Tarmizi Talib. (2012). Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani. *Malaysian Journal of Youth Studies*, [https://www.researchgate.net/publication/283477925\\_Masjid\\_Mejana\\_Pembentukan\\_Belia\\_Rabbani](https://www.researchgate.net/publication/283477925_Masjid_Mejana_Pembentukan_Belia_Rabbani).
- Ibnu Kathir, Ismail Umar Kathir ad-Dimasyqi al-Qurasyi asy-Syafi'e. (2017). *Tafsir Ibu Kathir*. Kaherah : Mu-assasah Daar al-Hilaal
- Majlis Keselamatan Negara (MKN). (2021). *SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN)*. Retrieved from <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-perintah-kawalan-pergerakan/>
- MuftiWP. (2019). Bayan Linnas siri Ke-206: *Pengimarahannya Masjid: Tugas Kita*. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3618-bayan-linnas-siri-ke-206-pengimarahannya-masjid-tugas-kita>.
- Muhammad Ammar Harith, Idris (2021). *Sosialisasikan Ibadah Dalam Rumah Ketika "Lockdown"*. Tinta Minda. Retrieved from Tinta Minda: <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1981445>
- Muhammad Rawwas Qalaji & Hamid Sadiq Qunaibi. 1985. *Mukjam al-Lughat al-Fuqaha'*. Beirut: Darul Nafais.
- Siti Nur Azwin, Zulkapri. (2020). *Ramadhan dalam PKP penuh hikmah*. Retrieved from UMP news: <https://news.ump.edu.my/general/ramadan-dalam-pkp-penuh-hikmah>
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2020). *Soal Jawab Fiqh COVID-19*. Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama.